

Tidak ada jalan mudah untuk cepat kaya

— Mahathir

UM 2 SEP 1990

BBANDAR DARULAMAN 20 Sept. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat bahawa tidak ada jalan mudah untuk seseorang itu menjadi kaya cepat tanpa berusaha dan bekerja dengan kuat.

Katanya, orang-orang yang hendak menjadi kaya perlu susah dan melalui berbagai cabaran terlebih dahulu kerana wang tidak akan datang, melayang tanpa berusaha.

Mengulas 'skim cepat kaya' yang heboh dipertutakan sekarang, beliau berkata, "mereka tahu benda itu tidak boleh jadi, kerana tidak ada jalan cepat untuk menjadi kaya jika seorang itu tidak menipu atau tanpa bekerja kuat."

"Sekiranya kita berpegang pada nilai yang kekayaan itu boleh datang dengan cepat, kita akan menjadi malas," ujar Perdana Menteri ketika berucap kepada kira-kira 2,500 orang kakitangan dan pegawai kerajaan dan badan berkanun Daerah Kubang Pasu, di Institut Pendidikan Darulaman di sini, petang ini.

Beliau mengingatkan rakyat akan selamat dan mampu menjadi jutawan jika mereka berpegang kepada nilai-nilai hidup yang kekayaan akan datang hanya melalui kerja kuat.

Beliau yakin, jika rakyat jujur dan ikhlas serta menolak segala peluang untuk menipu dan mencuri, rakyat akan terus maju.

"Kejayaan kita adalah bergantung banyak kepada sifat-sifat diri sendiri dan bangsa kita dengan syarat kita berpegang kepada nilai yang baik," ujar beliau.

Sementara itu semasa berdialog dengan kakitangan kerajaan, Perdana Menteri berkata, kerajaan mewujudkan Amanah Saham Nasional untuk membantu kaum bumiputera meningkatkan ekonomi melalui pemilikan ekuiti dalam syarikat di negara ini.

Katanya, tidak ada skim sebaik ini di dunia walaupun keadaan ekonomi negara meleset, pelabur terus mendapat dividen mereka antara 13 hingga 17 peratus setahun.

Malangnya, kata Dato' Sri Dr. Mahathir rakyat tidak memahami konsep pewujudan ASN dan ada di antara pelabur tidak berterima kasih kepada kerajaan.

Mereka yang melabur dalam ASN tidak pernah mengalami kerugian sekalipun dan tidak ada syarikat yang membayar dividen seperti ASN, katanya lagi.

Menurut beliau, oleh kerana kerajaan mahu menolong golongan bumiputera, kerajaan sanggup menanggung kerugian.

Bagaimanapun beliau yakin jika pelaburan ASN dibuka kepada semua rakyat ianya akan habis dibeli oleh orang-orang lain.

Perdana Menteri juga mengingatkan bahawa kejayaan yang dicapai oleh negara pada masa ini adalah kerana semua pihak termasuk kakitangan kerajaan, ahli-ahli politik dan rakyat tahu peranan masing-masing.

Menurut beliau pentadbiran yang licin tidak akan dapat diwujudkan sekiranya ahli politik dan pegawai kerajaan tidak sefahaman.